

Buletin

POLITEKNIK MELAKA

OPEN DAY

POLITEKNIK MELAKA
CAMPUS TOUR

Kolaberasi
bersama
ECRL

**KARNIVAL
SUKAN
2025**

Program
Santuni
MADANI

JUALAN
RAHMAH
MADANI
Rahmah itu Berkah





Isi Kandungan

PELBAGAI MAKLUMAT DISEDIAKAN

- | | |
|----|---|
| | JAWATANKUASA BULETIN |
| | KATA-KATA ALUAN |
| 01 | FIN-TASTIC WAVES: EXPLORING THE WORLD OF FINSWIMMING IN MALAYSIA |
| 02 | TEKNOLOGI ZAMAN NOW: LAJU MACAM ROKET TAPI |
| 03 | MELAKA: WARISAN BERBISIK |
| 04 | NASI LEMAK MAK LEHA: MANFAAT DAN MUDARAT |
| 05 | JOB HUNTING MECHANISM BETWEEN POLITEKNIK MELAKA AND INSTITUT ASIA MALANG, INDONESIA |
| 06 | PROGRAM SANTUNI MADANI KPT@KSB SIRI 6.0 2025 BERSAMA POLITEKNIK MELAKA |
| 07 | CERAMAH ISRAJ MIKRAJ "UMMAT MUHAMMAD, UMMAT TERBAIK" |
| 08 | TAKLIMAT PANGKALAN DATA |
| 09 | JOM BORAK SANTAI |
| 10 | PENYELENGGARAAN BERKALA ICT |

POLYCC ESPORTS CHALLENGE	11
KEJOHANAN SUKAN	12
LANGKAH SATRIA BRISKWALK	13
PROGRAM UPGRADE YOUR E-MAAN	14
KARNIVAL SUKAN PMK	15
MAJLIS ANUGERAH KETUA JABATAN JKM	16
KOLABORASI LATIHAN INDUSTRI BERSAMA ECRL	17
MAJLIS APRESIASI: ANUGERAH JABATAN JP	18-19
SMILE WITH PMK "SAHABAT KECIL"	20
PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK LAKSMANA HANG TUAH	21
LOI POLITEKNIK MELAKA DAN POLITEKNIK NEGERI SEMARANG INDONESIA	22-23
SEMARRAKKAN RAMADAN DENGAN PROGRAM BUBUR LAMBUK	24-25
KEBOLEHPASARAN GRADUAN SIRI 1: STRATEGI PENULISAN RESUME BERKESAN	26
SUKARELAWAN PMK MENJAYAKAN PROGRAM MYSAVEFOOD RAMADAN	27
MERIAH! OPEN DAY PMK 2025	28-29
FIESTA TRANSFORMASI INSAN PMK	30
MAJLIS KHATAM AL QURAN RAMADAN 1446H	31
SIGNING CEREMONY OF LOI BETWEEN POLITEKNIK MELAKA AND INSTITUT ASIA MALANG, INDONESIA.	32
LAWATAN TAPAK PROJEK NAIK TARAF RANGKAIAN WIFI POLITEKNIK MELAKA	33
SEGMENT PENGUMUMAN	34-37

2025


JAWATANIKUASA BULETIN



PENGURUSI
HAMIDAH BINTI ABD LATIFF



KETUA EDITOR
MAHERAN BINTI MOHAMED AYUB



SEGMENT PENGUMUMAN
EDITOR : NURUL-FATEHA BINTI MD SANDOLLAH



SEGMENT PENGETAHUAN
EDITOR : DR NORHANA BINTI AHAD



SEGMENT KALAM INSPIRATIF
EDITOR : AHMAD FADLI BIN
ABD HADI



SEGMENT PAPARAN TERKINI
EDITOR : NURUL AQILAH BINTI ADNAN



WEB MASTER
NUR ASHIKIN BINTI AZIZ



JURUFOTO
MOHD RIMEE BIN ISMAIL

Kata-kata ALUAN



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, Buletin Politeknik Melaka (PMK) dapat diterbitkan sekali lagi sebagai wadah informasi dan perkongsian ilmu kepada seluruh warga politeknik serta masyarakat amnya.

Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang komited dalam melahirkan graduan berkualiti, Politeknik Melaka terus memainkan peranan penting dalam menyediakan pendidikan TVET yang relevan dengan keperluan industri. Melalui pelbagai program akademik, aktiviti kokurikulum, serta kolaborasi bersama pihak industri dan komuniti, kita sentiasa berusaha memperkasa modal insan yang berdaya saing serta berkemahiran tinggi.

Dalam era digital dan teknologi yang berkembang pesat, kita perlu terus meneroka pelbagai pendekatan baharu dalam pendidikan, industri dan kehidupan seharian. Buletin ini bukan sahaja menjadi platform untuk menyampaikan perkembangan semasa dan pencapaian PMK, tetapi juga sebagai pentas untuk meraikan kreativiti warga PMK sama ada dalam bidang akademik, penyelidikan, inovasi maupun seni dan budaya. Setiap kejayaan, idea dan bakat yang diketengahkan melalui bulletin ini adalah bukti bahawa kreativiti mampu membawa impak yang besar kepada individu dan masyarakat. Saya amat berbesar hati melihat kesungguhan seluruh warga PMK dalam memastikan kecemerlangan institusi ini sentiasa terpelihara dan ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan editorial atas usaha gigih dalam menerbitkan buletin ini. Semoga ia terus menjadi sumber maklumat yang bermanfaat dan mencerminkan keunggulan Politeknik Melaka sebagai institusi pendidikan yang unggul. Teruskan berkarya, teruskan berinovasi!

Sekian, terima kasih.

Dr. Hjh Shahiza bt Dato' Hj. Ahmad Zainuddin
Pengarah
Politeknik Melaka

EXPLORING THE WORLD OF FINSWIMMING IN MALAYSIA

FIN-TASTIC WAVES

By: Fariza Hidayu Mohd Hashim

Ride the Fin-Tastic Waves, Dive into a New Adventure



Finswimming is an underwater sport consisting of four techniques involving swimming with the use of fins either on the water's surface using a snorkel with either monofin or bifin or underwater with monofin either by holding one's breath or using open circuit scuba diving equipment. Finswimming is established in 1976 organized by CMAS, World Underwater Federation. The sport has been featured at the World Games as a trend sport since 1981 and was demonstrated at the European Games in June 2015.

In Malaysia, finswimming is still a relatively new sport. It began in 2021 and has gained popularity among people of all ages through the organization of competitions. Many finswimming clubs have been established since then. The development of this sport has been very positive, with several finswimming competitions organized to polish talents and showcase the excellence of swimmers in Malaysia.

FINSWIMMING EQUIPMENTS

Compared to traditional swimming, finswimming requires additional equipment. Apart from goggles, swim caps and swimming attires, finswimming requires the swimmer to wear snorkel, fins, monofin and underwater breathing apparatus.



The swimmer must adhere to strict rules regarding the use of equipment approved by the CMAS Federation. A centre-mounted snorkel is mandatory, with specific measurements for the tube length and internal diameter. The brands of fins and monofin are also regulated by CMAS rules. Additionally, the underwater breathing apparatus is restricted to an open-circuit scuba system that uses compressed atmospheric air as the breathing gas.



TYPES OF TECHNIQUES IN FINSWIMMING

There are several finswimming techniques introduced in finswimming competitions. These include surface, bifins, apnea, and immersion.

RECOMMENDATIONS

To further promote finswimming in Malaysia, increased awareness and education are essential. Organizing more public events, demonstrations, and media campaigns will help attract participants, especially among younger generations. Establishing specialized training programs and increasing the number of local and national competitions will improve swimmers' skills and provide valuable experience. Collaboration with international bodies like CMAS can offer expertise and help elevate the sport's profile globally. Additionally, investing in quality equipment and facilities, promoting inclusivity, and encouraging schools and universities to integrate finswimming into their programs will help expand the sport and foster talent in the country.



CONCLUSION

In conclusion, as finswimming progresses in Malaysia, the sport's unique requirements, including the use of specialized equipment and adherence to CMAS regulations, highlight the technical aspects of the sport. The different techniques—surface, bifin, apnea, and immersion—each offer unique challenges that enhance the swimmer's skills and provide exciting competition opportunities. The development of this sport promises not only to promote a healthy, active lifestyle but also to create a platform for swimmers to showcase their skills on both national and international stages. With continued support and promotion, finswimming has the potential to become a significant and respected sport in Malaysia and beyond.

TEKNOLOGI TERKINI :

Laju Macam Roket tapi

Oleh : Fuzzy Logic



🧠 AI PULA DAH MACAM CIKGU GENIUS.

Tanya je ChatGPT: "Macam mana nak buat surat cinta dalam gaya Shakespeare?" ZASS! Terus keluar ayat power. Tapi jangan terkejut kalau dia lebih faham pasangan kita daripada kita sendiri! AI pun dah pandai juga hati sekarang tau. Pandai dia mengayat sampai tergoda si dara!

Zaman sekarang ni, teknologi bukan lagi canggih, tapi dah dikira ajaib! Silap-silap, bangun tidur belum sempat gosok gigi pun, telefon dah bagi briefing pasal cuaca, berita dunia dan baki akaun bank.



📱 TELEFON DAH JADI MACAM PA PERIBADI.

Cuma dia tak tolong buat kopi je. Dari set alarm tidur, hantar mesej secara automatik sampai lah tolong translate cakap Jepun masa order sushi, semuanya boleh. Tapi, bila dia rosak... kita pun panik. Terkial-kial cari charger macam cari nyawa.

💻 KERJA PEJABAT PUN MAKIN LAJU.

Dulu fail atas meja tinggi macam Gunung Ledang. Sekarang semua dah duduk dalam "cloud". Tapi bila internet down, semua orang macam patah kaki. Yang bekerja di office, mulalah menjerit, "Kenapa internet ni macam siput seduttt.. 🤦 Kenapa loading je internet ni ?!!" Berdering-dering telefon di Unit ICT.. itu belum lagi diserunya ICT dalam group Staf.. Kelam-kabut member pergi troubleshoot 😊

🔒 KESELAMATAN SIBER? JANGAN BUAT MAIN.

Klik satu link scam, 1 minit je duit dalam akaun bank dah boleh lesap macam magic show. Jadi, jangan gatal-gatal nak klik "You've won RM1,000,000!". sebab hakikatnya, takde satu makhluk pun nak bagi kau duit free. Kena ingat tu!



🌐 Kesimpulannya:

Teknologi ni ibarat pisau. Kalau guna dengan betul, kita boleh jadi chef handal, potong bawang pun tak keluar air mata. Tapi kalau salah guna, silap-silap jari sendiri yang putus berdarah. Jadi, mari kita jadi pengguna bijak, bukannya menjadi hamba gadget. Teknologi tu alat semata, bukannya tuan yang patut kita sembah 24 jam sehari.

Selamat berteknologi secara waras dan gunakan teknologi dengan cermat. Jangan jadi hamba gajet. Bila kita rasa penat, cabutlah plug, bancuh kopi dan berboraklah dengan manusia sebenar 😊

Teknologi Hebat

Akal Kena lagi Hebat

Segmen : Pengetahuan-02

MELAKA: WARISAN BERBISIK

Di persisir Selat yang tenang beralun,
Terukir kisah seribu tahun,
Melaka megah berdiri gah,
Pusaka bangsa, warisan indah.

Dari Parameswara bertapak di sini,
Hingga Portugis datang menguji,
Belanda menjajah, Inggeris menawan,
Namun Melaka tetap bertahan.

Di Kota A Famosa sejarah berbisik,
Menyimpan kisah yang takkan terusik,
Stadthuys merah berdiri teguh,
Saksi zaman yang penuh peluh.

Jonker Walk meriah berseri,
Kraf tangan, warisan asli,
Asam pedas membakar lidah,
Warisan rasa takkan punah.

Sungai Melaka mengalir tenang,
Membawa memori zaman gemilang,
Kampung Morten bercahaya malam,
Mengingatkan akar, sejarah silam.

Oh Melaka, tanah berdaulat,
Jiwa pejuang tetap kuat,
Selagi ada yang mencintai,
Warisanmu takkan mati.



Nukilan: Mohd Khairul Muzhafar
Jabatan Kejuruteraan Elektrik
Politeknik Melaka

Nasi lemak Mak Leha: Manfaat dan Mudarat

Setiap pagi, Mak Leha akan membungkus nasi lemak dan kuih-muih warisan di warung kecilnya di pinggir kampung. Di seberang jalan, satu gerai baharu penuh sesak — menjual croffle pedas berkeju dan minuman manis berwarna pelangi. “Budak-budak sekarang, semua nak ikut viral,” keluh Mak Leha sambil membungkus nasi lemak dengan daun pisang. Apa yang berlaku pada kita, sebenarnya?

Fenomena makanan viral kini menjadi trend yang sukar dibendung. Platform media sosial dipenuhi dengan gambar, video dan ulasan makanan luar biasa yang menarik perhatian, tetapi malangnya sering mengabaikan aspek kesihatan. Makanan bersalut keju berganda, minuman manis dengan topping melimpah, dan makanan segera ‘gimmick’ menjadi rebutan. Malangnya, kita tidak sedar — perlumbaan ini sedang menukar kesihatan masyarakat kepada taruhan yang rapuh.

Kesihatan adalah kekayaan, bukan tontonan. Bila rakyat sihat, negara kuat. Tenaga kerja produktif, perbelanjaan kesihatan menurun, dan kesejahteraan meningkat. Namun, statistik menunjukkan peningkatan masalah obesiti, diabetes dan tekanan darah tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia, bahkan kanak-kanak. Apa yang kita makan hari ini bukan sahaja menentukan umur panjang kita, malah masa depan negara.

FREE

Pemakanan sihat bukan sekadar trend semusim, tetapi pelaburan jangka panjang. Bayangkan jika setiap sekolah menyediakan menu sihat dan seimbang. Bayangkan jika pasar malam turut menekankan hidangan sihat tempatan seperti ulam-ulaman, sup tanpa MSG, dan jus asli tanpa gula tambahan. Kita tidak perlu menghapuskan kreativiti dalam makanan, tetapi perlu meletakkan kesihatan sebagai asas dalam setiap ciptaan.

Menariknya, makanan sihat juga boleh menjadi ‘viral’. Lihat bagaimana salad tempatan dengan herba kampung seperti pegaga dan selom kini dimodenkan dengan sentuhan kontemporari. Resepi lama nenek kita seperti air asam jawa dan ikan bakar serai wangi kini kembali popular bila dikongsikan dengan gaya moden.

Masyarakat perlu dididik, bukan diheret oleh algoritma. Media sosial harus menjadi ruang kesedaran, bukan semata-mata hiburan. Pengaruh makanan viral tidak salah — tetapi ia mesti seimbang dengan kesedaran nutrisi. Ibu bapa, guru, peniaga, dan pemimpin komuniti harus memainkan peranan memperkenalkan semula nilai pemakanan sihat dalam kehidupan harian.

Bayangkan satu hari nanti, nasi lemak Mak Leha — yang seimbang, berkhasiat, dan rendah minyak — menjadi ‘viral’ kerana rakyat mula menghargai kesederhanaan dan khasiatnya. Bukan kerana ia berganda pedas atau bersalut keju cair, tetapi kerana ia membawa rasa, warisan, dan kesihatan dalam satu bungkus daun pisang.


Kerana pada akhirnya, makanan bukan sekadar apa yang kita suap ke mulut. Ia adalah pilihan. Dan pilihan kita hari ini menentukan kesihatan generasi akan datang.

Tukang Karut:
Ahmad Fadli bin Abd Hadi,
JMSK, PMK

JOB HUNTING MECHANISM

BETWEEN POLITEKNIK MELAKA AND INSTITUT ASIA MALANG, INDONESIA

By: Nurul Aqilah binti Adnan



01 January 2025 - Politeknik Melaka, The Lecture Exchange Series on Job Hunting Mechanism, hosted by Politeknik Melaka (PMK), was successfully conducted in collaboration with Institut Asia Malang, Indonesia. Nearly 80 Semester 7 students from Institut Asia were selected to participate in this insightful session.

Mr. Zaki bin Muhamad @ Mohd Yasin, the speaker for the series, effectively fulfilled his role by delivering relevant and up-to-date information on essential job-hunting documents, particularly resumes and cover letters. Using an educational slideshow, he passionately shared his knowledge, which likely enhanced the students' understanding of this crucial topic. This platform undoubtedly serves as a meaningful opportunity to share knowledge and develop skills, ultimately benefiting future graduates.

This partnership holds remarkable value not only for the staff and students but also for both institutions as a whole. It is expected that the program will continue to strengthen the relationship between the two institutions while also offering students the chance to experience a new culture, meet new people, and grow both personally and professionally. By the end of the program, it is highly anticipated that all participants will be well-equipped in various aspects of workplace readiness, thereby improving their future job marketability and career prospects.



PROGRAM SANTUNI MADANI KPT@KSB SIRI 6.0 2025 BERSAMA POLITEKNIK MELAKA



2 Januari 2025, Kuala Sungai Baru – Pejabat Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Jawatankuasa Muafakat Politeknik Melaka (PMK) telah menganjurkan Program Santuni Madani KSU KPT di Kuala Sungai Baru, Melaka.

Program ini bertujuan meningkatkan kebersihan kampung, memupuk semangat gotong-royong, serta mempromosikan kampung sebagai destinasi pelancongan domestik. Empat institusi turut serta iaitu KKMT, UTeM, UNIMEL dan UiTM, dengan penyertaan 20 sukarelawan dari setiap institusi.

Gotong-royong melibatkan kawasan pantai dan jalan utama kampung, dimulakan dengan taklimat keselamatan oleh wakil PMK, Encik Muhamad Faiz bin Jofri. Program berjalan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan.

CERAMAH ISRAK MIKRAJ

“UMMAT MUHAMMAD, UMMAT TERBAIK”

Oleh : Muhamad Faiz bin Jofri



27 Januari 2025, Surau Al-Mubarak, Taman Pokok Mangga - Jawatankuasa Muafakat Politeknik Melaka dengan kerjasama MESAC dan Surau Al-Mubarak, Taman Pokok Mangga telah berjaya menganjurkan Ceramah Israk Mikraj bertemakan “Ummat Muhammad, Ummat Terbaik”. Program ini bertujuan untuk mengukuhkan keimanan dan ketakwaan umat Islam melalui penghayatan kisah perjalanan agung Nabi Muhammad SAW semasa peristiwa Israk dan Mikraj.

Ceramah ini memberi fokus kepada jemaah yang hadir dengan harapan dapat menanam semangat dan kesedaran tentang keistimewaan serta tanggungjawab sebagai umat Islam. Dalam ceramah tersebut, penceramah menekankan kepentingan mencontohi akhlak mulia Rasulullah SAW dan mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Program ini juga bertindak sebagai platform untuk mempererat ukhuwah dalam kalangan pelajar dan masyarakat setempat. Dengan kerjasama antara Politeknik Melaka dan Surau Al-Mubarak, ceramah ini disusun rapi untuk memastikan mesej yang disampaikan mudah difahami dan dapat diaplikasikan dalam kehidupan.

Ceramah ini diharap menjadi motivasi kepada para peserta untuk terus berusaha menjadi umat terbaik, sesuai dengan tema yang diangkat. Pengaruh berharap program seperti ini dapat diadakan secara konsisten untuk manfaat umat Islam pada masa akan datang.

TAKLIMAT PANGKALAN *Data*



Oleh : Ifadah binti Sharif



*P*ihak Perpustakaan Politeknik Melaka (PMK) telah menganjurkan Taklimat Pangkalan Data Springer Nature yang dilanggan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Taklimat ini bertujuan untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan warga Politeknik.



*S*esi penerangan telah disampaikan oleh kakitangan perpustakaan selama tiga hari, khusus kepada pelajar Semester 1. Taklimat ini memberi pendedahan tentang kaedah pencarian maklumat berimpak tinggi melalui pangkalan data Springer Nature, yang merangkumi pelbagai sumber akademik dan jurnal penyelidikan.

Dalam masa yang sama, pelajar Semester 1 turut didaftarkan sebagai ahli perpustakaan menerusi Sistem KOHA dengan menggunakan kaedah pendaftaran Shibboleth. Langkah ini bertujuan memudahkan akses kepada koleksi bahan rujukan fizikal dan digital perpustakaan.

JOM Borak Santai



Oleh : Sharazi bin Samah

Sebagai pembuka tirai tahun baharu 2025, aktiviti pertama Unit Perpustakaan PMK telah berlangsung dengan jayanya menerusi program "Jom Borak Santai Bersama", menampilkan Ustaz Mohd Faizal bin Mat Esa, pensyarah dari Unit Pengajian Am, Politeknik Melaka.

Perkataan rukhsah, yang berasal daripada bahasa Arab, membawa maksud keringanan, khususnya dalam pelaksanaan ibadah solat. Dalam Islam, keringanan ini diberikan kepada individu yang bermusafir, dengan syarat perjalanan yang dilakukan mencapai jarak minimum dua marhalah (81 km sehala). Jika syarat ini dipenuhi, maka seseorang itu dibenarkan untuk melaksanakan solat Jamak dan Qasar.




Aktiviti ini telah mendapat sambutan baik daripada kalangan pelajar dan staf PMK yang hadir untuk mendalami topik yang dibincangkan. Semoga segala ilmu dan perkongsian yang disampaikan dapat memberi manfaat dan kefahaman yang lebih jelas kepada semua peserta.

Pihak perpustakaan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ustaz Mohd Faizal bin Mat Esa atas kesudian berkongsi ilmu, serta kepada Unit Pengajian Am atas kerjasama erat yang diberikan dalam menjayakan program ini.



Penyelenggaraan Berkala ICT

Bil. 1/2024-25 Dilaksanakan di PMK



Oleh: Ts.Nor Fazlina binti Mohd Amin

Melaka, 10 – 21 Februari 2025 – Politeknik Melaka telah melaksanakan Penyelenggaraan Berkala Bil. 1 - 2024/25 bagi Perkhidmatan Sewaan Berpusat Peralatan ICT Secara Sewa Guna di Politeknik Melaka oleh Syarikat HeiTech Padu. Langkah ini bertujuan untuk memastikan kelancaran operasi, kecekapan sistem serta mengelakkan sebarang gangguan teknikal terhadap penggunaan peralatan ICT di institusi ini.

Penyelenggaraan ini merangkumi:

- Pemeriksaan berkala ke atas peralatan ICT yang disewa
- Pengujian dan pembaikan bagi memastikan fungsi optimum
- Pengemaskinian sistem keselamatan dan perisian terkini
- Penggantian peralatan sekiranya perlu

Pelaksanaan penyelenggaraan ini adalah sebahagian daripada inisiatif pemodenan infrastruktur ICT bagi meningkatkan kecekapan serta keselamatan sistem di Politeknik Melaka.

#PoliteknikMelaka #ICTMaintenance #PenyelenggaraanBerkala #TeknologiHijau

POLYCC eSPORTS CHALLENGE

SEMPENA KARNIVAL TVET POLYCC 2025

Oleh : JSKK PMK



13 – 16 Februari 2025: Pertandingan POLYCC eSPORTS CHALLENGE telah berlangsung di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, Langkawi, Kedah sempena Karnival TVET POLYCC 2025. Seramai empat orang pelajar Politeknik Melaka telah menyertai kategori PUBG (PlayerUnknown's Battlegrounds) dan berjaya meraih tempat ke-9 daripada 32 pasukan yang bertanding.
Senarai pelajar yang terlibat:

1. Nabil Haiqal bin Nazri
2. Muhammad Shazreil Hakimie bin Noorhisham
3. Faris Haqimi bin Zulsyafri
4. Muhammad Aniq Danish bin Haslin

Tahniah kepada semua peserta atas komitmen dan pencapaian yang membanggakan. Semoga pertandingan ini menjadi pengalaman berharga dan pencetus semangat untuk penglibatan yang lebih cemerlang pada masa akan datang.



Segmen : Paparan Terkini-11

KEJOHANAN SUKAN

*Antara Jabatan/Agensi Kerajaan
Negeri Melaka Kali Ke-5 Tahun*

2025

Oleh : JSKK PMK

Kejohanan Sukan Antara Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Melaka Kali Ke-5, Tahun 2025 telah berlangsung dari 17 hingga 23 Februari 2025. Kejohanan ini dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Melaka melalui Majlis Sukan Negeri Melaka. Kontinjen Politeknik Negeri Melaka merupakan gabungan staf Politeknik Melaka dan staf Politeknik Merlimau. Pasukan Politeknik telah menyertai lima acara sukan iaitu badminton, ping pong, tenpin boling, karom dan dart.

Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat serta syabas kepada para atlet atas usaha gigih dan kejayaan yang membanggakan, khususnya untuk Pasukan Politeknik Melaka.



Magic Vs

10/02/2025



LANGKAH SATRIA sempena untuk rakyat

briskwalk

Oleh : JSKK PMK



Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang program. Pelajar bukan sahaja berperanan sebagai sukarelawan, malah turut serta sebagai peserta dalam pelbagai acara yang disediakan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua sukarelawan yang telah menjayakan program ini. PMK cemerlang melahirkan pelajar gemilang!

23 Februari 2025 - Politeknik Melaka telah berjaya menjayakan program Langkah Satria Briskwalk dengan penglibatan seorang pensyarah dan sepuluh orang pelajar dari pelbagai jabatan sebagai sukarelawan. Program ini telah berlangsung pada 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh.



PROGRAM

'UPGRADE YOUR E-MAAN'

Disediakan oleh : Nor Suriati binti Jamaludin

Melaka, 25 Februari 2025 – Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Melaka dengan kerjasama Jawatankuasa Muafakat & Pembangunan Insan, Politeknik Melaka telah menganjurkan satu program yang dinamakan Program ‘Upgrade Your E-Maan’ bertempat di Surau Ar-Redhuan, Taman Semabok Perdana, Melaka.

Program ‘Upgrade Your E-Maan’ merupakan salah satu manifestasi pembelajaran modul Pengajian Islam yang dipelajari oleh para pelajar Politeknik Melaka. Ia juga menjadi usaha untuk melahirkan pelajar yang mampu melaksanakan ibadah fardu ain dan fardu kifayah secara praktikal agar dapat diamalkan dalam kehidupan seharian. Bertemakan ‘Ibadah Cemerlang, Pelajar Gemilang’, program ini turut bertujuan melahirkan pelajar yang lengkap dari segi sahsiah dan rohani.



Seramai 40 orang pelajar semester 2 dari Jabatan Perdagangan (DAT & DPI) yang mengikuti kursus MPU23012 Turut hadir ialah Dr. Hjh Shahiza binti Dato' Hj. Ahmad Zainuddin (Pengarah Politeknik Melaka), Puan Zeyana binti Abdullah (Timbalan Pengarah Akademik), Dr. Azlan bin Muharam (Timbalan Pengarah Sokongan Akademik), dan Puan Fariza Hidayu binti Mohd Hashim, Ketua Jabatan Pengajian Am.

Program ini telah dirasmikan oleh Pengarah YADIM Negeri Sembilan dan Melaka. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk Tahsin Surah Al-Fatihah, Tadabbur, serta Tahsin Solat, yang telah disampaikan oleh penceramah jemputan, Ustaz Abdul Sukor bin Hj. Talib, Pegawai Penyelaras Masjid & Madrasah Parlimen Tangga Batu. Melalui program ini, hubungan erat antara Politeknik Melaka, agensi berkaitan serta komuniti setempat berjaya diwujudkan

Karnival Sukan PMK 2025



Oleh : JSKK PMK

Karnival Sukan Politeknik Melaka 2025 telah berlangsung dengan jayanya pada 26 Februari 2025 di Kompleks Sukan Komuniti Krubong, Melaka. Program ini bertujuan memupuk semangat kesukanan, kerjasama dan persahabatan dalam kalangan pelajar serta warga Politeknik Melaka.

Pelbagai acara sukan telah dipertandingkan seperti badminton, bola jaring, sepak takraw, bola tampar dan fun run, dengan penyertaan yang sangat menggalakkan daripada pelajar pelbagai jabatan. Sambutan hangat daripada penonton turut memeriahkan suasana karnival. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengarah Politeknik Melaka, Dr. Hajah Shahiza binti Dato' Haji Ahmad Zainuddin bersama barisan kepimpinan politeknik.

Keputusan Acara:

- Bola Jaring: Jabatan Perdagangan
- Badminton: Jabatan Kejuruteraan Awam
- Sepak Takraw: Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
- Bola Tampar (Lelaki & Perempuan): Jabatan Perdagangan
- Fun Run (Lelaki): Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
- Fun Run (Perempuan): Jabatan Perdagangan

Juara Keseluruhan: Jabatan Perdagangan

Karnival ini menerima maklum balas positif daripada peserta dan penonton. Antara cadangan penambahbaikan termasuk penambahan pasukan serta promosi program yang lebih meluas. Secara keseluruhannya, karnival ini berjaya mencapai objektif dalam menggalakkan gaya hidup sihat dan mempererat hubungan warga politeknik.

MAJLIS ANUGERAH **KETUA JABATAN** DAN PERJUMPAAN PELAJAR **JKM SESI II 2024/2025**

Politeknik Melaka, 27 Februari 2025 – Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Politeknik Melaka telah menganjurkan Majlis Anugerah Ketua Jabatan dan Perjumpaan Pelajar JKM Sesi II 2024/2025 di Dewan Serbaguna PMK. Majlis bertujuan menghargai pelajar cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum.

Acara dimulakan dengan ucapan aluan dan bacaan doa, diikuti pelancaran logo baharu JKM serta ucapan perasmian oleh Ketua Jabatan, Encik Muhammad Hafiz bin Kamarudin. Majlis turut diserikan dengan penyampaian anugerah kepada pelajar cemerlang, taklimat keselamatan pekerjaan oleh Cosmo Skills Sdn. Bhd., dan taklimat disiplin oleh Ts. Dr. Kannan A/L Rassiah. Program ini menjadi platform penghargaan dan perkongsian ilmu antara pelajar dan pihak jabatan.



PERBINCANGAN
KOLABORASI
LATIHAN INDUSTRI BERSAMA CHINA
COMMUNICATIONS CONSTRUCTION
(ECRL) SDN .BHD

Oleh : CISEC Politeknik Melaka



28 Februari 2025, Politeknik Melaka (PMK) – Satu sesi perbincangan kolaborasi antara Politeknik Melaka dan China Communications Construction (ECRL) Sdn. Bhd. telah diadakan di Bilik Persidangan PMK. Perbincangan ini diatur oleh GMP Quality Consultant yang diwakili oleh Encik CP Ng.

Pihak ECRL diwakili oleh tiga orang wakil, manakala pihak Politeknik Melaka diketuai oleh Pengarahnya, Dr. Hajah Shahiza binti Dato' Haji Ahmad Zainuddin, bersama beberapa pegawai kanan. Perbincangan tertumpu kepada penawaran latihan industri kepada pelajar Politeknik Melaka dalam bidang Kejuruteraan Awam, Elektrik dan Mekanikal, serta peluang kerjaya selepas graduasi. Projek ECRL yang dibentangkan terletak di Selangor, Terengganu, dan Pahang. Majlis berakhir dengan sesi pertukaran cenderahati antara kedua-dua pihak.



MAJLIS ANUGERAH KETUA JABATAN JABATAN PERDAGANGAN


Oleh : Nur Izzatie Husna Zawawi

7 Mac 2025 - Commerce Club Politeknik Melaka (COMMERS) telah menganjurkan Majlis Apresiasi – Anugerah Ketua Jabatan bertempat di Dewan Serbaguna Politeknik Melaka. Majlis ini diadakan bagi menghargai kecemerlangan pelajar dalam bidang akademik serta memberi pengiktirafan kepada barisan kepimpinan pelajar yang baharu.

Seramai 99 orang pelajar Diploma Akauntansi dan 89 orang pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa telah menerima Anugerah Ketua Jabatan atas pencapaian cemerlang mereka. Selain itu, turut disampaikan ialah Anugerah Pelajar Terbaik Jabatan bagi setiap semester mengikut program. Majlis turut menyaksikan penyampaian Watikah Pelantikan Jawatankuasa Commerce Club PMK Sesi I 2024/2025 serta pelantikan wakil kelas bagi sesi yang sama. Pelantikan ini bertujuan menyemarakkan semangat kepimpinan dan amanah dalam kalangan pelajar.

Program ini diharap dapat menjadi pemangkin semangat buat para pelajar untuk terus cemerlang dalam bidang akademik dan





SMILE WITH PMK “SAHABAT KECIL”

Oleh : Zaihasra binti Rukiman



8 Mac 2025, Sabtu – Seramai 14 orang pelajar DAT 2B dari Jabatan Perdagangan dan 2 orang staf Politeknik Melaka (PMK) telah mengadakan Program "Smile with PMK Sahabat Kecil" di Hospital Jasin, Melaka. Tujuan utama program ini adalah untuk beramah mesra dengan pesakit kanak-kanak, keluarga mereka serta staf hospital



Program "Smile with PMK Sahabat Kecil" telah berjaya meningkatkan kesedaran dan empati peserta terhadap keperluan kesihatan fizikal dan emosi kanak-kanak. Peserta lebih memahami cabaran pesakit cilik serta pentingnya sokongan sosial dalam proses penyembuhan. Inisiatif ini turut mencerminkan nilai kemanusiaan, mengukuhkan hubungan, dan memupuk keprihatinan masyarakat terhadap kesejahteraan kanak-kanak.



Lawatan ini memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi secara langsung dengan kanak-kanak yang menerima rawatan, sekali gus memberikan sokongan moral dalam suasana penuh kasih sayang. Program ini turut mengeratkan hubungan antara masyarakat dan pihak hospital. Ia berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi dengan penglibatan doktor serta jururawat yang bertugas.

PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK LAKSAMANA HANG TUAH

Oleh : Nur Izzatie Husna Zawawi

08 Mac 2025, Sabtu - Seramai 17 pelajar dan 5 staf Politeknik Melaka telah membantu dalam menjayakan Program Memasak dan Agihan Bubur Lambuk Laksamana Hang Tuah sempena bulan Ramadan 2025M/1446H.



Program tersebut telah bermula jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang di Jalan Hang Tuah, Melaka. Program ini adalah tajaan sepenuhnya oleh Badan Kebajikan & Persaudaraan Islam Negeri Melaka, Gabungan Dakwah Islam dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). Program ini juga mendapat tajaan penuh daripada Adabi Consumer Industries Sdn Bhd (ADABI).



Bubur lambuk yang telah siap telah diagihkan kepada komuniti sekitar lokasi program. Program berbentuk kesukarelawanan ini berjaya memberi pendedahan kepada pelajar untuk menghulurkan bantuan tenaga tanpa sebarang halangan. Pada masa yang sama, ia berjaya membentuk ciri-ciri insaniah pelajar yang cemerlang di dunia dan akhirat.



Letter of Intent (LOI)

Signing Ceremony

between

Politeknik Melaka, Malaysia

and

Politeknik Negeri Semarang, Indonesia

12 March, 2025
Wednesday

IND 09:00 am; MYS 10:00 am
Online Via Zoom Platform

MAJLIS MENANDATANGANI LETTER OF INTENT (LOI) POLITEKNIK MELAKA DAN POLITEKNIK NEGERI SEMARANG, INDONESIA

Oleh: Nurul Aqilah binti Adnan

12 Mac 2025 - Politeknik Melaka (PMK) sekali lagi melakar sejarah tersendiri apabila berjaya melaksanakan Majlis Menandatangani Letter of Intent (LOI) bersama Politeknik Negeri Semarang (POLINES), Indonesia. Majlis bersejarah ini telah dijalankan secara dalam talian (livestream) dan dihoskan oleh pihak POLINES.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran barisan pengurusan tertinggi kedua-dua institusi, yang menunjukkan komitmen padu dalam memperkuuh jaringan kolaborasi strategik demi manfaat bersama. Inisiatif ini dilihat sebagai langkah penting dalam menyokong pembangunan pendidikan TVET di peringkat antarabangsa





Dalam majlis tersebut, Pengarah Politeknik Melaka, Dr. Hajah Shahiza binti Dato' Hj Ahmad Zainuldin, telah menyampaikan ucapan balas kepada Direktur POLINES, Dr. Eni Dwi Wardihani, S.T., M.T. Ucapan tersebut menzhahirkan hasrat dan harapan agar kerjasama ini mampu melahirkan pelajar yang berdaya saing, berkemahiran tinggi serta bersedia menghadapi cabaran dunia global.

Setinggi-tinggi penghargaan turut diberikan kepada Pn. Noor Mayafaraniza, Ketua Unit Pengantarabangsaan PMK, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana, serta seluruh pasukan yang terlibat dalam merancang dan melaksanakan majlis ini secara tersusun dan profesional.

PMK komited untuk terus meneroka peluang kerjasama antarabangsa yang dapat memperkuuh kedudukan institusi sebagai peneraju pendidikan TVET yang unggul di Malaysia dan rantau Asia Tenggara. Semoga usaha murni ini menjadi pemangkin kepada lebih banyak inisiatif strategik di masa akan datang.



SEMARAKKAN RAMADAN DENGAN PROGRAM BUBUR LAMBUK

Oleh : Jawatankuasa Perwakilan Pelajar



Semangat Ramadan terus disemarakkan di Politeknik Melaka dengan penganjuran Program Memasak dan Agihan Bubur Lambuk, yang berlangsung meriah di perkarangan Politeknik Melaka (PMK). Program tahunan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar, staf, dan komuniti setempat selain menghayati amalan bersedekah sepanjang bulan mulia ini.

Program anjuran Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar, PUSPANITA PMK dan Kelab Kebajikan Staf ini berjaya menarik lebih 100 sukarelawan dalam kalangan pelajar dan pensyarah yang bergotong-royong menyediakan 1,000 bungkus bubur lambuk dan lain-lain juadah untuk diedarkan kepada warga politeknik.



Proses memasak bermula seawal jam 8.00 pagi dengan persiapan bahan-bahan seperti beras, santan, daging, dan rempah ratus. Aktiviti ini turut diketuai oleh chef berpengalaman yang terdiri daripada staf Politeknik Melaka yang memberikan tunjuk ajar kepada pelajar dalam penyediaan bubur lambuk yang enak dan berkualiti.

Dengan kejayaan meneruskan program ini, Politeknik Melaka berharap tradisi memasak dan mengagihkan bubur lambuk dapat diteruskan setiap tahun sebagai satu bentuk sumbangan kepada masyarakat serta platform dalam mendidik pelajar tentang kepentingan amal jariah dan kebajikan.



PROGRAM JHEP PUSPANITA DAN KELAB STAF PMK



KEBOLEHPASARAN GRADUAN SIRI 1 : STRATEGI PENULISAN RESUME BERKESAN

Oleh : Unit Kerjaya Politeknik Melaka



13 Mac 2025 – Seramai 16 orang pelajar telah menyertai WEBINAR KEBOLEHPASARAN GRADUAN SIRI 1: STRATEGI PENULISAN RESUME BERKESAN secara dalam talian. Webinar ini dianjurkan oleh Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi, dengan kerjasama PERKESO. Tujuan utama webinar ini adalah untuk membantu graduan meningkatkan kemahiran dalam penulisan resume yang berkesan.



Sebagai sebuah organisasi yang komited dalam memperkasa tenaga kerja negara, PERKESO memberikan bimbingan kepada peserta dalam menyediakan resume yang berkualiti serta mempersiapkan pelajar untuk memasuki dunia pekerjaan. Diharapkan webinar ini dapat membantu pelajar menghasilkan resume yang baik dan meningkatkan kebolehpasaran mereka.



SUKARELAWAN PMK MENJAYAKAN PROGRAM MYSAVEFOOD RAMADAN

Oleh : Amira Abdul Wahid

15 Mac, Ayer Keroh – Pembimbing Rakan Siswa Politeknik Melaka bersama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Melaka telah melaksanakan Program MYSaveFood RAMADAN pada 15 Mac 2025 bertempat di Bazar Ramadan MiTC, Ayer Keroh. Seramai 10 orang ahli PRS telah turut serta sepanjang program ini berlangsung.

Program ini dianjurkan bertujuan untuk mengurangkan pembaziran makanan di tapak bazar Ramadan. Selain itu, objektif program ini adalah untuk menyuburkan nilai ihsan dan memberi pendedahan kepada peserta berkaitan aktiviti kesukarelawan, di mana makanan yang diperoleh daripada peniaga diedarkan kepada golongan asnaf dan pihak yang memerlukan. Peserta juga berpeluang turun ke dalam komuniti untuk membantu serta cakna mengenai pengurusan sisa pepejal dalam penjagaan alam sekitar.



Secara keseluruhannya, program ini merupakan program dua hala antara Politeknik Melaka dan LPPKN Negeri Melaka. Selain dapat menjalin hubungan baik antara dua agensi, peserta juga mendapat pengalaman baru serta manfaat daripada program ini secara keseluruhan.



MERIAH ! OPEN DAY PMK 2025

Oleh: Mohd Khairuddin bin Ahmad Khair



Melaka, 17 April 2025 – Program Open Day PMK 2025 yang berlangsung dengan penuh warna-warni pada hari Khamis telah berjaya menarik ribuan pengunjung dari pelbagai lapisan masyarakat ke perkarangan Politeknik Melaka. Acara yang bermula seawal pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang ini mendapat sambutan luar biasa, bukan sahaja daripada para pelajar dan pensyarah, malah komuniti luar juga turut hadir memeriahkan program. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Allex Seah Shoo Chin, Exco Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Melaka.

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan sepanjang hari, antaranya ialah pameran booth yang melibatkan penyertaan pelbagai agensi luar seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Pergigian, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Penjara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) serta Unit Hasil. Penyertaan pempamer luar ini memberi peluang kepada pengunjung untuk mendapatkan maklumat serta perkhidmatan secara langsung daripada agensi-agensi terlibat.

Selain itu, antara aktiviti lain yang turut menarik perhatian ialah Jualan Rahmah Madani, lebih 30 gerai keusahawanan pelajar, aktiviti STEM, pemeriksaan kesihatan, permohonan terus ke Politeknik, lawatan kampus (campus tour), pameran kemahiran TVET, cabutan bertuah dan pelbagai lagi.

Program anjuran Unit Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar Politeknik Melaka ini turut mendapat kerjasama erat daripada Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) Politeknik Melaka serta sokongan padu daripada ketua-ketua jabatan dan unit-unit lain di Politeknik Melaka.





OPEN
2025
DAY



Fiesta Transformasi Insan PMK

17 April, Melaka - Penganjuran Fiesta Transformasi Insan bertujuan menampilkan pencapaian akhir bagi setiap elemen yang telah dilaksanakan sepanjang pelaksanaan Modul Transformasi Insan bagi sesi II-2024-2025. Program ini lebih kepada platform pentas akhir yang menghimpunkan semua aktiviti dan pencapaian peserta daripada empat elemen utama Modul MTI yang telah mereka jalani.

Fiesta Transformasi Insan PMK



Program ini berjaya membentuk pelajar yang mempunyai keyakinan diri, kesedaran moral dan keagamaan yang tinggi, serta melahirkan individu yang bercirikan kepimpinan dan keusahawanan yang berpaksikan nilai-nilai TVET.



Penglibatan mentor luar turut memberi nilai tambah signifikan dalam membentuk kefahaman pelajar terhadap dunia sebenar industri, serta memupuk kemahiran kepimpinan, kerjasama, dan kesediaan menghadapi cabaran kerjaya.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN RAMADAN 1446H

By: Nurul Aqilah Binti Adnan

MELAKA, 19 APRIL 2025 – PUSPANITA Politeknik Melaka telah berjaya menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran Ramadan 1446H buat kali kedua bertempat di Surau Ar-Raudhah, Politeknik Melaka. Program ini menjadi platform mengeratkan ukhuwah dan memperkuuh pengisian rohani dalam kalangan staf wanita sepanjang bulan Ramadan. Al-Quran sepanjang bulan ini, di sebalik komitmen kerja harian.



Seramai 30 orang ahli PUSPANITA yang terdiri daripada pihak pengurusan, staf akademik, dan staf sokongan telah menyertai tadarus Al-Quran sepanjang bulan ini, di sebalik komitmen kerja harian. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Dr. Hajah Shahiza binti Dato' Haji Ahmad Zainuddin, Pengarah Politeknik Melaka merangkap Penaung PUSPANITA PMK, bersama barisan penasihat, pengurus, ahli jawatankuasa, dan peserta.

Bacaan Khatam bermula dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas, sebagai simbolik penutup sesi tadarus. Program ini turut mendapat bimbingan daripada beberapa asatizah dalam kalangan ahli yang membantu memperbaiki mutu bacaan.



PUSPANITA PMK merakamkan penghargaan atas komitmen semua yang terlibat. Semoga majlis ini menjadi pemangkin kepada pengukuhan amalan membaca Al-Quran dalam kalangan Muslimat PMK, serta diteruskan sebagai acara tahunan yang diberkati.

Tahniah diucapkan kepada seluruh Team Tadarus Ramadan 2025.



SIGNING CEREMONY OF LOI BETWEEN POLITEKNIK MELAKA AND INSTITUT ASIA MALANG, INDONESIA.

SIGNING CEREMONY OF LOI BETWEEN POLITEKNIK MELAKA AND
INSTITUT TEKNOLOGI & BISNIS ASIA MALANG, INDONESIA
AND
COMMERCE DEPARTMENT LECTURE EXCHANGE SERIES


By : Nurul Aqilah Binti Adnan

21st April, 2025 - Politeknik Melaka (PMK) and Institut Teknologi & Bisnis Asia Malang, Indonesia, completed a courtesy visit to PMK and formalized a Letter of Intent (LOI). Mdm Rina Dewi Indah Sari, S. Kom., M. Kom., the Vice Rector of Development and Innovation, and Madam Zeyana Binti Abdullah, the Deputy Director of PMK, who was representing Dr. Shahiza Binti Dato' Ahmad Zainuddin, Director of PMK, were present at the signing ceremony, which was successfully finalized.

The main components of this LOI include planning collaboration programs that are expected to enhance the quality of TVET for both engineering and commerce students. This collaboration will focus on fostering future growth through entrepreneurial partnerships, exchange lecture series, corporate social responsibility, and other relevant areas.

The official visit was also combined with the Lecture Exchange Series by the Department of Commerce, which included almost 40 PMK students. Four invited speakers from Institut Asia Malang provided academic insights, particularly in the field of commerce. This platform offers valuable benefits for entrepreneurial students, enabling them to expand their knowledge and exchange ideas within their field of study.

For both PMK and Institut Asia Malang, this collaboration presents numerous opportunities to significantly impact both institutions at the highest level.





LAWATAN TAPAK PROJEK NAIK TARAF RANGKAIAN WIFI POLITEKNIK MELAKA

Oleh: Ts.Nor Fazlina binti Mohd Amin

MELAKA, 23 APRIL 2025 – Politeknik Melaka (PMK) telah dipilih sebagai salah satu lokasi pelaksanaan projek penambahbaikan rangkaian kesalinghubungan Wi-Fi di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), menerusi inisiatif Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Satu sesi taklimat dan lawatan tapak telah diadakan baru-baru ini di PMK, melibatkan wakil daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), pegawai ICT, serta pasukan pengurusan tertinggi PMK. Pengarah PMK, Dr. Hajah Shahiza binti Dato' Haji Ahmad Zainuldin, menyambut baik inisiatif ini dan menegaskan bahawa kemudahan internet yang stabil dan pantas amat penting dalam menyokong aktiviti kampus seperti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, serta urusan pentadbiran harian.

Projek ini dijangka memberi impak besar kepada warga PMK dengan penyediaan capaian internet yang lebih menyeluruh dan efisien.

Sebagai institusi TVET yang terus berkembang di tengah bandar Melaka, PMK melihat inisiatif ini sebagai langkah penting ke arah pembentukan ekosistem pembelajaran digital yang lebih kondusif, sejajar dengan aspirasi pendigitalan negara.

Pihak PMK turut menzahirkan komitmen penuh dalam memastikan kelancaran pelaksanaan projek ini mengikut jadual yang telah ditetapkan. Manfaat daripada projek ini bukan sahaja akan dinikmati oleh warga PMK, malah dijangka memberi kesan positif kepada keseluruhan sistem Politeknik Malaysia.

Tahniah Atas Kejayaan Anda



Sekalung Tahniah

DIUCAPKAN KEPADA

NURUL MAISARAH
BINTI MAZLAN

ATAS PENGANUGERAHAN

**ANUGERAH GEMILANG
SUKARELAWAN PELAJAR
POLITEKNIK DAN KOLEJ
KOMUNITI (AGP) 2024**



Pertandingan LANDSKAP HIJAU PMK 2025

Akan berlangsung Penilaian Pertama
PEMULIHAN TUMBUHAN
DAN
SELENGGARA TANAMAN

TEMPOH PENILAIAN:
12 - 6 MEI 2025

Sekitar
POLITEKNIK MELAKA

SESI II : 2024/2025

The banner features the official logos of the Ministry of Higher Education (KPT) and Politeknik Malaysia Melaka. It includes a section for the 'DOA PENERANG HATI' (Prayer for Guidance), which is a traditional Islamic prayer asking Allah to open the hearts of students to receive knowledge and guidance. Below the prayer is a transliterated version in English. The main title 'SELAMAT MENDUDUKI PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER Siswa Siswi' is displayed prominently in large, bold, colorful letters. The subtitle 'Sesi II : 2024 / 2025' is also present. The background is decorated with school-related icons like books, a graduation cap, a lightbulb, and a speech bubble. At the bottom, there are portraits of three officials: a woman in a red hijab, a woman in a black hijab, and a man in a suit. Social media links for 'MALAYSIA MADANI', 'Politeknik Melaka' (Facebook, Instagram, TikTok), and the website 'polimelaka.mypolycc.edu.my' are included.

"Selamat menduduki
peperiksaan. Kami yakin dengan
usaha dan kesungguhan anda. ☺"

"Percayalah pada diri sendiri. Kejayaan datang kepada
mereka yang berusaha"